

Tun M menghadap Seri Paduka bagi Mesyuarat Pra-Kabinet

BH - 9/11/2020 m/s: 2

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, semalam berkenan menerima menghadap Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, bagi Mesyuarat Pra-Kabinet mingguan sulung tahun ini.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin, dalam satu kenyataan, semalam, berkata mesyuarat berlangsung selama 55 minit di Istana Melawati, Putrajaya, mulai jam 8 pagi.

"Mesyuarat hari ini (semalam) adalah pertemuan sulung untuk tahun ini antara Al-Sultan Abdullah dengan Tun Dr Mahathir. Kedua-dua pemimpin kelihatan

mesra dan penuh teliti ketika mesyuarat berlangsung hari ini," katanya.

Ahmad Fadil berkata, Mesyuarat Pra-Kabinet ialah antara aktiviti mingguan atau rutin utama Seri Paduka untuk berbincang dan bertukar pendapat bersama Perdana Menteri.

"Pada tahun lalu, 32 kali Mesyuarat Pra-Kabinet berlangsung antara Seri Paduka dengan Perdana Menteri," katanya.

Beliau berkata, mesyuarat tetap dijalankan jika Perdana Menteri tidak dapat menghadirinya dengan Dr Mahathir diwakili timbalannya, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

BERNAMA



Al-Sultan Abdullah berkenan menerima menghadap Dr Mahathir bagi Mesyuarat Pra-Kabinet di Istana Melawati, Putrajaya, semalam.